



BAPA SYURGAWI

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Bapa Syurgawi

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.


Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Bapa Syurgawi



“Sejak Allah menciptakan dunia, sifat-sifat Allah yang tidak kelihatan, baik kuasa-Nya yang kekal mahupun keadaan-Nya sebagai Allah, dapat difahami oleh manusia melalui segala yang sudah diciptakan-Nya. Oleh itu manusia sama sekali tidak mempunyai dalih untuk membela diri.”

(Roma 1:20)

Pemahaman yang betul tentang Allah dan sifat-sifat-Nya akan mengubah cara kita menjalani kehidupan: pemahaman yang tepat (mengetahui perintah serta perkara yang menyenangkan-Nya) mendorong kita untuk menjalani kehidupan yang benar (satu keinginan serta ketaatan terhadap perkara-perkara tersebut) ketika kita meresponi Allah dengan iman. Pandangan yang salah terhadap Allah pula akan membawa kita kepada penyembahan berhala. Inti kepada penyembahan berhala ialah fikiran dan tindakan yang bercanggahan dengan Allah. Memandangkan pemahaman yang benar akan Allah adalah sangat penting, bagaimanakah kita boleh mengenali-Nya?

A. Pengetahuan akan Allah

Manusia yang berdosa tidak mampu mengetahui Allah dengan usaha dan kemampuannya sendiri. Allah hanya mampu dikenali sekiranya Dia menunjukkan Diri-Nya. Alkitab menjelaskan kepada kita bahawa Allah telah menunjukkan Diri-Nya kepada kita melalui dua cara:

1. Pewahyuan Umum

Pewahyuan umum merujuk kepada cara Allah menunjukkan Diri-Nya kepada kita melalui ciptaan-Nya, persepsi serta nurani manusia. Pewahyuan ini juga diberikan kepada semua orang di dunia. Rujuk Roma 1:20. Bagaimanakah Allah telah menunjukkan Diri-Nya?

Apa sifat-sifat Allah yang mampu diketahui melalui cara ini?



¹⁴Orang bukan Yahudi tidak mempunyai Taurat, tetapi apabila mereka dengan kemahuan sendiri melakukan apa yang diperintahkan oleh Taurat, hal itu menunjukkan bahawa mereka mengetahui apa yang patut dan yang tidak patut dilakukan, walaupun mereka tidak mempunyai Taurat. ¹⁵Kelakuan mereka menunjukkan bahawa apa yang diperintahkan oleh Taurat tertulis di dalam hati mereka. Hati nurani mereka pun membuktikan hal itu, kerana fikiran mereka kadangkala menyalahkan dan kadangkala membenarkan perbuatan mereka. ¹⁶Oleh itu, menurut Berita Baik yang aku khabarkan, hal itu akan berlaku pada Hari Kiamat apabila melalui Yesus Kristus, Allah akan menghakimi segala rahsia hati dan fikiran manusia. (Rm 2:14-16)

Baca Roma 2:14-16. Apakah pengalaman lazim manusia yang dapat memperlihatkan sifat Allah?

2. *Pewahyuan Khusus*

Pewahyuan khusus merujuk kepada cara Allah menunjukkan Diri-Nya secara lebih jelas berbanding dengan pewahyuan umum. Ia merupakan pewahyuan Allah di dalam sejarah dan secara muktamad di dalam Yesus Kristus. Ia telah direkodkan secara jelas di dalam Alkitab.

¹Pada masa lampau, banyak kali Allah berfirman kepada nenek moyang kita melalui nabi-nabi dengan berbagai-bagai cara.

²Tetapi pada zaman akhir ini Dia telah berfirman kepada kita melalui Anak-Nya. Melalui Anak-Nya inilah Allah menciptakan alam semesta. Allah sudah menetapkan bahawa Anak-Nya inilah yang berhak memiliki segala sesuatu pada akhirnya. (Ibr 1:1-2)

a) Yesus Kristus

Baca Ibrani 1:1,2. Menurut ayat ini, bagaimanakah Allah telah menunjukkan Diri-Nya di masa yang lampau?

Bagaimanakah Dia menunjukkan Diri-Nya pada hari ini?

“Kristus serupa dengan Allah, tetapi Kristus dapat dilihat, sedangkan Allah tidak. Kristus itu Anak sulung yang lebih utama daripada segala sesuatu yang diciptakan.” (Kol 1:15)

“Dia memancarkan kemuliaan Allah yang gilang-gemilang dan Dia perwujudan Allah sendiri. Dia memelihara keutuhan alam semesta ini dengan firman-Nya yang berkuasa. Setelah Dia memungkinkan manusia dibebaskan daripada dosa, Dia duduk di syurga di sebelah kanan Allah, Penguasa Yang Tertinggi.” (Ibr 1:13)

Rujuk Kolose 1:15 dan Ibrani 1:3. Apakah perkara yang dinyatakan melalui ayat-ayat tersebut tentang pewahyuan Allah di dalam Yesus Kristus?

b) Kitab Suci

Kitab Suci merekodkan pewahyuan Allah di dalam interaksi-Nya dengan **manusia** di dalam Alkitab. Sebagai contoh, Abraham (Lihat Kejadian 15:1, 17:1). Apakah yang dikatakan oleh Allah tentang Diri-Nya kepada Abraham?

“Selepas itu, Abram mendapat penglihatan dan mendengar TUHAN berfirman kepadanya, “Jangan takut, Abram. Aku akan melindungi engkau daripada bahaya dan memberikan pahala yang besar kepadamu.” (Kej 15:1)

“Ketika Abram berumur 99 tahun, TUHAN menampakkan diri kepadanya dan berfirman, “Akulah Allah Yang Maha Kuasa. Taatilah Aku dan lakukanlah kehendak-Ku selalu.” (Kej 17:1)

⁷Kemudian TUHAN berfirman, “Aku telah melihat betapa kejamnya umat-Ku dianiaya di Mesir; Aku telah mendengar seruan mereka mohon dibebaskan daripada pengerah-pengerah abdi.

Sesungguhnya, Aku tahu akan segala penderitaan mereka.

⁸Oleh itu Aku turun untuk membebaskan mereka daripada orang Mesir, dan membawa mereka keluar dari negeri itu ke suatu negeri yang luas, kaya, dan subur. Pada masa ini, negeri itu didiami oleh orang Kanaan, Het, Amori, Feris, Hewi, dan Yebusi.

⁹Sesungguhnya Aku telah mendengar seruan umat-Ku dan melihat bagaimana orang Mesir menindas mereka. ¹⁰Sekarang Aku mengutus engkau untuk menghadap raja Mesir supaya engkau dapat memimpin umat-Ku keluar dari negeri raja itu.”

(Kel 3:7-10)

Bagaimana pula dengan Musa? (Rujuk Keluaran 3:7-10). Apakah yang dapat anda pelajari tentang Allah melalui firman-Nya kepada Musa?

⁴TUHAN berfirman kepadaku, ⁵“Sebelum Aku membentuk engkau dalam rahim ibumu, dan sebelum engkau dilahirkan, aku sudah memilih dan melantik engkau menjadi nabi bagi bangsa-bangsa.”
⁶Aku menjawab, “Ya TUHAN Raja, aku tidak pandai bercakap kerana aku masih terlalu muda.” ⁷Tetapi TUHAN menjawab, “Jangan berkata bahawa engkau masih terlalu muda. Pergilah kepada orang yang Kuperintahkan kepadamu. ⁸Jangan takut terhadap mereka kerana Aku akan menyertai engkau untuk melindungimu. Aku, TUHAN telah berfirman!” ⁹Kemudian TUHAN menghulurkan tangan-Nya, menyentuh mulutku dan berfirman, “Dengarlah, Aku memberi engkau firman-Ku yang harus engkau ucapkan.” (Yer 1:4-9)

Kemudian kepada Yeremia. (Rujuk Yeremia 1:4-9). Apakah yang telah dipelajari oleh Yeremia tentang Allah?

Kitab Suci juga merekodkan **peristiwa-peristiwa sejarah** yang menunjukkan sifat-sifat dan tujuan Allah.

“Jawablah aku, ya TUHAN. Jawablah aku supaya umat ini tahu bahawa Engkau, TUHAN ialah Allah, dan bahawa Engkau sedang membawa mereka kembali kepada-Mu.” (1 Raj 18:37)

Rujuk 1 Raja-Raja 18:16-46. Apakah yang dapat kita pelajari tentang Allah melalui cara-Nya berurusan dengan manusia?

⁶ Semua perkara itu menjadi contoh bagi kita untuk mengingatkan kita supaya tidak menginginkan perkara yang jahat, seperti yang dilakukan oleh mereka dahulu; ⁷ juga supaya kita tidak menyembah berhala seperti yang dilakukan oleh sebahagian daripada mereka. Di dalam Alkitab tertulis, “Umat itu mula makan minum dan menari untuk menyembah berhala.” ⁸ Janganlah kita lakukan hal-hal cabul seperti yang dilakukan oleh sebahagian daripada mereka. Dalam sehari dua puluh tiga ribu orang mati akibat perbuatan itu. ⁹ Janganlah kita cubai Tuhan seperti yang dilakukan oleh sebahagian daripada mereka, sehingga mereka mati dipatuk ular berbisa. ¹⁰ Janganlah kita bersungut-sungut seperti yang dilakukan oleh sebahagian daripada mereka, sehingga mereka dibunuh oleh Malaikat Maut. ¹¹ Semua perkara itu berlaku kepada mereka untuk menjadi contoh bagi orang lain. Semua itu ditulis untuk menjadi amaran bagi kita, kerana kita sekarang hidup pada akhir zaman. (1 Kor 10:6-11)

1 Korintus 10:6-11 menjelaskan mengapa peristiwa-peristiwa sejarah dicatat. Apakah sebab tersebut?

Alkitab mengajar bahawa Allah telah menunjukkan sifat serta tujuan-Nya kepada manusia melalui ciptaan-Nya. Akan tetapi, kedatangan Yesus ke dunia melalui inkarnasi yang ajaib dengan perantaraan Firman Allah yang diilhamkan merupakan pewahyuan Allah yang muktamad.

B. Peribadi Allah

1. *Allah Tritunggal*

Tritunggal adalah konsep yang tidak mungkin dapat dimengerti sepenuhnya oleh manusia apa lagi untuk dijelaskan. Allah jauh lebih besar dan agung daripada kita, kerana itu jangan berharap bahawa kita dapat memahami Dia secara penuh.

Tiga dalam Allah Yang Satu (Tritunggal) ini adalah Bapa (Allah), Anak (Yesus) dan Roh Kudus. Alkitab mengajar bahawa Bapa itu Allah (Allah Bapa), Yesus itu Allah (Allah Anak) dan Roh Kudus itu Allah (Allah Roh Kudus). Walaupun kita dapat memahami beberapa fakta tentang perhubungan di antara peribadi yang berbeza pada Tritunggal, kita tetap harus akur fikiran manusia tidak dapat menjangkau Tuhan sepenuhnya. Perlu ditegaskan bahawa konsep ini sama sekali tidak mengatakan wujudnya 3 Tuhan. Tritunggal adalah satu Allah yang terdiri daripada 3 Peribadi.

Yesus sendiri mengatakan “Dengarlah, hai orang Israel, Tuhan Allah kita, Tuhan itu esa. Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap akal budimu dan dengan segenap kekuatanmu. Dan hukum yang kedua ialah: Kasihilah sesamamu manusia seperti dirimu sendiri. Tidak ada hukum lain yang lebih utama dari pada kedua hukum ini.” (Markus 12:30,31)

Sebenarnya, tidak ada satupun daripada contoh-contoh terkenal yang dapat memberikan penjelasan sepenuhnya tentang Tritunggal. Ada yang cuba menerangkan konsep ini dengan menggunakan ilustrasi sebiji telur: cengkerang telur, putih-telur dan kuning-telur. Tetapi itu tidak tepat kerana setiap satu adalah bahagian kepada telur tetapi setiap satunya bukanlah telur itu sendiri. Bapa, Anak dan Roh Kudus bukan bahagian-bahagian daripada Allah, melainkan setiap satunya adalah Allah.

Ada juga yang menggunakan ilustrasi air: cecair, wap dan pepejal kesemuanya adalah bentuk-bentuk air. Tetapi Bapa, Anak dan Roh Kudus bukannya bentuk-bentuk Tuhan, melainkan setiap satunya adalah Allah. Jadi, walaupun contoh-contoh ini dapat memberikan sedikit gambaran tentang Tritunggal, gambaran yang diberikan tidaklah tepat pada keseluruhannya.

Allah bukanlah satu kesatuan yang mudah (dalam matematik digambarkan sebagai $1+1+1=3$). Tetapi Allah adalah satu kesatuan yang berhubungan dan berkait (digambarkan sebagai $1 \times 1 \times 1 = 1$). Jadi, setiap bahagian merupakan kesatuan itu dan tidak boleh diasingkan (kalau diasingkan ianya menjadi $1 \times 1 \times 0 = 0$. Allah tanpa mana-mana Bapa, Anak atau Roh bukan Allah!).

Kita semua percaya bahawa Allah adalah infiniti/ kekal (∞). Dalam bentuk matematik digambarkan sebagai $\infty + \infty + \infty$ atau $\infty \times \infty \times \infty$, di mana jawapannya tetap ∞ (infiniti)!

Walau bagaimanapun, Tritunggal bukanlah sebuah topik akademik yang harus dipelajari, tetapi ia adalah sebuah realiti penting yang harus dialami secara rasional. Dalam erti kata yang lain, ia bermaksud kita yakin bahawa Allah Anak telah mengambil dosa kita dan memakukannya di atas kayu salib. Dia yang sempurna dan tidak berdosa adalah korban yang sudah mencukupi untuk kita semua. Tambahan pula, Allah Roh Kudus yang memahami perkara-perkara

mendalam tentang Allah membantu kita di dalam doa serta memperkasakan kita untuk melayani Allah Bapa.

Ayat-ayat Alkitab yang selalu diberikan untuk menerangkan tentang Tritunggal adalah:


- i. **Hanya ada satu Allah:** Ulangan 6:4; 1 Korintus 8:4; 1 Timotius 2:5; Galatia 3:20.
- ii. **Tritunggal itu terdiri dari Tiga Peribadi:** Kejadian 1:1; 1:26; 3:22; 11:7; Yesaya 6:8; 48:16; 61:1; Matius 3:16-17; Matius 28:19; 2 Korintus 13:14.

Pengetahuan bahasa Ibrani sangat membantu untuk mengerti “Tiga dalam Allah Yang Satu” dalam Perjanjian Lama. Sebutan jamak “Elohim” digunakan dalam Kejadian 1:1. Tidak dapat dipertikai kata “Elohim” dan “kita/kami” sebagai merujuk kepada elemen lebih daripada dua.

Alkitab (Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru) dengan jelas menyatakan bahawa Allah itu esa (lihat Ulangan 6:4, Markus 12:29), tetapi kata Ibrani *eschad* seperti yang terdapat dalam Kejadian 2:24 menunjukkan elemen jamak. Dalam Kejadian 1:2-3, kita melihat ketiga-tiga Peribadi dalam Tritunggal bekerja – Allah, Firman dan Roh; dan di Matius 28:19 Yesus menamakan ketiga-tiga Peribadi tersebut. Kita mengetahui bahawa Allah Yang Esa mencipta langit dan bumi; Allah Yang Esa adalah Allah kepada Abraham; Allah Yang Esa menyatakan

Diri-Nya bukan sahaja sebagai Pencipta, tetapi juga melalui Firman-Nya dan Roh-Nya. Jadi, bagaimana kita boleh dan dapat memisahkan Allah daripada Firman dan Roh-Nya?

- iii. **Setiap anggota Tritunggal adalah Allah.** Bapa adalah Allah (Yohanes 6:27; Roma 1:7; 1 Petrus 1:2), Anak adalah Allah (Yohanes 1:1, 14; Roma 9:5; Ibrani 1: 8; 1 Yohanes 5: 20) dan Roh Kudus adalah Allah (Kisah Rasul-Rasul 5:3-4; 1 Korintus 3:16; Roma 8:9; Yohanes 14:16-17; Kisah Rasul-Rasul 2:1-4).



Gambarajah di halaman yang berikutnya menjelaskan kepada kita tentang pewahyuan Allah berdasarkan Firman Allah yang harus kita pegang. Pelajaran yang lebih terperinci tentang keilahian Yesus dan Roh Kudus akan dikupas dalam buku-buku yang berikutnya.

Allah adalah Satu

1. Ulangan 6:4 –
“Dengarlah, hai orang Israel:
TUHAN itu Allah kita,
TUHAN itu esa!”
2. Keluaran 20:3 –
“**Jangan ada allah lain**
di hadapan-Ku.”
3. Yakobus 2:19 –
“Kamu percaya bahwa **Allah**
hanya satu? Bagus!”

Allah adalah Jamak

1. Kejadian 1:26
Allah berfirman: “Baiklah **Kita**
menjadikan manusia menurut
gambar dan rupa **Kita**”
2. Kejadian 3:22
TUHAN Allah berfirman,
“Sekarang manusia telah
menjadi seperti **Kita.**”
3. Yesaya 6:8
“Kemudian aku mendengar
TUHAN berfirman, “Siapakah
yang akan Ku utus? Siapa akan
menjadi utusan **Kita?**”

Allah Tritunggal

Matius 28:19 –
Karena itu pergilah, jadikanlah semua
bangsa murid-Ku dan baptislah
mereka **dalam nama Bapa dan**
Anak dan Roh Kudus.

Yesus adalah Ilahi

1. John 1:1,2 –
Pada mulanya adalah Firman;
Firman itu bersama-sama
dengan Allah dan **Firman itu**
adalah Allah. Ia pada mula-
nya bersama-sama dengan
Allah.
2. Yohanes 10:30 -
“Aku dan Bapa **adalah satu**”

Roh Kudus adalah Allah

- 1 Korintus 2:10,11 –
“Roh Allah menyelidiki segala
sesuatu, bahkan **rancangan**
Allah yang paling tersembun-
yi sekalipun... hanya Roh
Allah mengetahui segala
sesuatu tentang Allah.”

Pertimbangkan perkara-perkara ini: Sekiranya Yesus bukan Allah, maka Dia tidak boleh mengampunkan dosa serta menjadi Penyelamat kita. Jika Yesus bukan manusia, maka Dia tidak mampu mati ataupun bersatu dengan kita. Sekiranya Roh Kudus bukan Allah, maka kita tidak mampu bersekutu dengan Allah melalui Roh Kudus yang ada di dalam kita. Tambahan lagi, bagaimanakah kita boleh yakin bahawa panduan serta pimpinan Roh Kudus berasal daripada TUHAN andaikata Dia bukan Allah? Oleh yang demikian, meskipun kita tidak mampu mengerti sepenuhnya impak Tritunggal kerana keterbatasan kita sebagai manusia, namun kita tetap menjalani kehidupan Kristian di dalam realiti tersebut.

2. *Beberapa Sifat Semulajadi Allah*

Alkitab menjelaskan sifat-sifat Allah kepada kita. Berikut adalah beberapa petikan di dalam Alkitab. Apakah yang boleh kita pelajari tentang sifat-sifat Allah yang melampaui batas intelek dan pengalaman manusia?

⁷Ke manakah aku dapat pergi untuk menjauhkan diri daripada-Mu? Ke manakah aku dapat lari dari hadirat-Mu? ⁸Jika aku pergi ke syurga, Engkau di sana; jika aku tidur di alam maut, Engkau di sana juga. ⁹Jika aku terbang ke ufuk timur, atau tinggal di hujung barat yang paling jauh,¹⁰di sana juga Engkau akan memimpin aku, dan di sana pun Engkau akan menolong aku. (Mzm 139:7-10)

Mazmur 139:7-10

“Dan engkau, anakku Salomo, kenallah Allahnya ayahmu dan beribadahkan kepada-Nya dengan tulus ikhlas dan dengan rela hati, sebab TUHAN menyelidiki segala hati dan mengerti segala niat dan cita-cita. Jika engkau mencari Dia, maka Ia berkenan ditemui olehmu, tetapi jika engkau meninggalkan Dia maka Ia akan membuang engkau untuk selamanya.” (1 Taw 28:9)

1 Tawarikh 28:9

“Sebab bagi Allah tidak ada yang mustahil.” (Luk 1:37)

Lukas 1:37

“Bahwasanya Aku, TUHAN, tidak berubah...” (Mal 3:6)

Maleakhi 3:6

3. Beberapa Sifat Moral Allah

Berikut adalah beberapa fakta tentang sifat-sifat Allah yang menentukan tujuan semua tindakan-Nya. Apakah yang boleh kita pelajari tentang Allah daripada petikan-petikan Alkitab tersebut?

⁷Sahabat-sahabat yang aku kasihi, marilah kita saling mengasihi kerana kasih berasal daripada Allah. Sesiapa yang saling mengasihi, mengenal Allah dan dia anak Allah. ⁸Sesiapa yang tidak mengasihi orang lain, tidak mengenal Allah kerana Allah itu kasih. ⁹Ini adalah cara Allah menunjukkan kasih-Nya kepada kita: Dia mengutus Anak-Nya yang tunggal ke dalam dunia supaya melalui Anak-Nya kita beroleh hidup sejati dan kekal. ¹⁰Ini adalah kasih: Bukannya kita telah mengasihi Allah, tetapi Allah mengasihi kita dan mengutus Anak-Nya supaya melalui Dia dosa kita diampunkan. (1 Yoh 4:7-10)

1 Yohanes 4:7-10

Kuduslah kamu bagi-Ku, sebab Aku ini, TUHAN, kudus dan Aku telah memisahkan kamu dari bangsa-bangsa lain, supaya kamu menjadi milik-Ku. (Im 20:26)

"Kudus, kudus, kuduslah TUHAN semesta alam, seluruh bumi penuh kemuliaan-Nya!" (Yes 6:3)

Imamat 20:26, Yesaya 6:3

“Mereka akan memberitakan segala kebaikan-Mu, dan bernyanyi tentang keadilan-Mu.” (Mzm 145:7)

Mazmur 145:7

Fakta-fakta tentang sifat Allah ini bukanlah hanya sebagai santapan minda kita sahaja. Mereka adalah kenyataan yang membentuk kehidupan, fikiran serta dan tindakan harian kita.

4. *Nama-Nama Allah*

Terdapat beberapa panggilan untuk Allah yang terdapat di dalam Alkitab. Panggilan-panggilan tersebut sering digunakan di dalam konteks hubungan di antara Allah dengan umat-Nya. Seajar dengan corak fikiran orang Timur Tengah pada waktu tersebut, sebuah nama merupakan ekspresi sifat pemiliknya. Dalam hal ini, nama Allah merupakan pewayhuan-Nya sendiri. Berikut adalah beberapa nama Allah yang terdapat di dalam Alkitab.

Bagaimanakah Allah memanggil Diri-Nya atau apakah panggilan yang digunakan untuk merujuk kepada Allah di dalam petikan-petikan berikut? Apakah yang boleh kita pelajari tentang Diri-Nya melalui nama-nama tersebut?

“Ketika Abram berumur 99 tahun, TUHAN menampakkan diri kepadanya dan berfirman, “Akulah Allah Yang Maha Kuasa. Taatilah Aku dan lakukanlah kehendak-Ku selalu.” (Kej 17:1)

Kejadian 17:1

Abraham menamakan tempat itu “TUHAN Menyediakan Apa Yang Diperlukan.” Sampai sekarang pun orang berkata, “Di atas gunung-Nya TUHAN menyediakan.” (Kej 22:14)

Kejadian 22:14

“Gideon membina sebuah mazbah untuk TUHAN di sana dan menamakannya “TUHAN Sumber Kesejahteraan”. Sampai sekarang mazbah itu masih ada di Ofra, kota milik puak Abiezer.” (Hak 6:24)

Hakim-Hakim 6:24

“TUHAN yang memerintah dan melindungi Israel, TUHAN Yang Maha Kuasa berfirman.” (Yes 44:6)

Yesaya 44:6

Ingatlah bahwa ia mengambil satu jangkamasa yang abadi untuk mengenal Allah yang telah menciptakan dan terus mengasihi kita. Tetapi dalam kasih kurnia-Nya, Dia telah menunjukkan Diri-Nya melalui Firman-Nya supaya kita dapat memberi respon kepada-Nya dan mempunyai satu hubungan yang berarti dengan-Nya.

C. Mengenal Allah Sebagai Bapa

Perbincangan di atas tertumpu kepada Allah. Di dalam Tritunggal, Allah Bapa ialah faktor integral. Ia adalah rancangan Allah Bapa untuk keseluruhan ciptaan-Nya yang memberikan makna kepada kedatangan Anak-Nya dan juga pengutusan Roh Kudus. Bapa telah menghantar Anak dan keinginan Anak ialah untuk memenuhi kehendak Bapa-Nya. Roh Kudus juga diutus oleh Bapa dan Dia mengetahui fikiran Bapa.

Yesus mengajar para murid-Nya dan juga kita semua untuk memanggil Allah sebagai Bapa. Baca Doa Bapa Kami di dalam Matius 6:9-13.

Bapa kami yang di sorga,
Dikuduskanlah nama-Mu,
datanglah Kerajaan-Mu,
jadilah kehendak-Mu di bumi seperti di sorga.
Berikanlah kami pada hari ini makanan
kami yang secukupnya
dan ampunilah kami akan kesalahan kami,
seperti kami juga mengampuni orang
yang bersalah kepada kami;
dan janganlah membawa kami ke dalam
pencobaan, tetapi lepaskanlah kami
daripada yang jahat.
Karena Engkau lah yang empunya Kerajaan
dan kuasa dan kemuliaan sampai selama-
lamanya. Amin.



Roh Kudus mengesahkan kebenaran ini di dalam hati serta membolehkan kita untuk memanggil “Abba! Bapa!” (Lihat Galatia 4:6). Istilah ‘Abba’ datang daripada bahasa Aram, iaitu sebuah cabang bahasa Ibrani yang merupakan bahasa seharian di Palestin pada zaman tersebut. Istilah tersebut merupakan suatu perkataan intim yang digunakan oleh kanak-kanak dan juga orang dewasa untuk merujuk kepada bapa mereka di dalam keluarga mereka. Meskipun intim, istilah tersebut tetap mempunyai unsur hormat yang merujuk kepada bapa sebagai penjaga daulat kepada anak-anak di sepanjang hidup mereka. Seorang bapa menyayangi anak-anaknya dan dia dipercayai oleh anak-anaknya.

1. Anak-anak Allah

Apakah yang boleh kita pelajari tentang Allah sebagai Bapa di dalam Roma 8:15?

“Roh yang dikurniakan oleh Allah kepada kamu tidak memperhamba kamu, sehingga kamu hidup dalam ketakutan. Sebaliknya Roh Allah menjadikan kamu anak-anak Allah, dan dengan kuasa Roh Allah kita memanggil Allah “ya Abba, ya Bapa!” (Rm 8:15)

2. Pewaris

Apakah kesan kepada mereka yang menjadi anak-anak Allah? Rujuk Roma 8:17.

“Kerana kita anak-anak Allah, kita akan menerima berkat-berkat yang disediakan oleh Allah untuk umat-Nya. Bersama dengan Kristus, kita juga akan menerima segala yang sudah disediakan oleh Allah untuk Dia, kerana jika kita menderita bersama-sama Kristus, kita juga akan mendapat kemuliaan-Nya.” (Rm 8:17)

Apakah harta warisan para pewaris? Apakah yang dikatakan oleh ayat-ayat berikut: Matius 25:34 dan 1 Petrus 1:4.

“Dan Raja itu akan berkata kepada mereka yang di sebelah kanan-Nya: Mari, hai kamu yang diberkati oleh Bapa-Ku, terimalah Kerajaan yang telah disediakan bagimu sejak dunia dijadikan.

(*Mat 25:34*)

“Oleh itu, kita berharap untuk memiliki berkat-berkat yang disediakan oleh Allah bagi umat-Nya. Berkat-berkat itu disimpan-Nya di syurga, supaya tidak dapat rosak, reput, ataupun musnah.”

(*1 Ptr 1:4*)

3. *Kehidupan yang Benar*

Apakah yang dikatakan dalam Matius 5:48 tentang cara kita menjalani kehidupan apabila Allah menjadi Bapa kita?


“Karena itu haruslah kamu sempurna, sama seperti Bapamu yang di sorga adalah sempurna.” (*Mat 5:48*)

Istilah ‘sempurna’ yang digunakan di Matius 5:8 merujuk kepada kesempurnaan moral mutlak yang hanya dimiliki oleh Allah. Yesus menekankan di sini tentang kewajiban moral untuk memiliki sikap mengasih yang diterima oleh Allah kerana Dia adalah pengasih yang benar. Perkara ini akan mempengaruhi cara kita berfikir dan juga bertindak kepada orang lain. Dengan erti kata lain, sikap kekeluargaan haruslah kelihatan.

Soalan Untuk Perbincangan

1. Adalah lebih sukar untuk menjadi seorang ateis daripada mempercayai Allah. Apakah pandangan anda?

2. Berikut adalah beberapa situasi sukar dalam kehidupan. Bagaimanakah pengetahuan akan Allah boleh membantu anda untuk melaluinya?
 - a. Sewaktu kemelesetan ekonomi di mana pekerjaan anda tidak terjamin.
 - b. Anda mengetahui pasangan anda tidak setia.
 - c. Doktor mengesahkan ada ketumbuhan yang berbahaya di dalam tubuh anda.



3. Bagaimanakah pengalaman anda dengan bapa kandung di bumi ini mempengaruhi pandangan anda terhadap Bapa Syurgawi? Bagaimanakah perkara ini dapat diatasi?

4. Bagaimanakah pengetahuan tentang Allah **Yang Maha Kuasa** sebagai **Bapa yang Sempurna** mempengaruhi cara anda melihat disiplin daripada Allah?

Untuk Penguhan Iman Kita

Tritunggal (Trinitas) bukanlah sesuatu konsep untuk diterangkan dengan sempurnanya, tetapi sesuatu perhubungan untuk dialami dengan penuh rendah hati. Hanya apabila kita sudah percaya kepada Yesus — melalui-Nya kita mengenal Allah Bapa, diangkat menjadi anak-anak-Nya, dan diberi Roh Kudus untuk menjadi penghibur kita — barulah kita benar-benar dapat mengerti Allah Tritunggal yang bekerja di dalam hidup kita.

Lain kali jika ada orang yang dengan sengaja ingin berdebat dengan anda tentang Tritunggal, anda hanya perlu bertanya kepada dia:

“Adakah anda percaya Yesus adalah Tuhan? Jika anda tidak percaya Yesus adalah Tuhan, saya tidak berminat berdebat dengan anda tentang Tritunggal. Kerana Yesus yang saya kenal sebagai Tuhan itulah yang membolehkan saya mengalami penyertaan “kasih karunia Tuhan Yesus, kasih Allah Bapa, dan persekutuan Roh Kudus.” (2 Korintus 13:14). Anda tidak akan mengerti itu kerana anda bukan seorang Kristian.”

“Seperti anda, saya juga tidak percaya pada 3 Tuhan — Allah, Maryam dan Isa (atau 3 Tuhan — Allah, Anak dan Roh). Tetapi adakah anda percaya Allah itu ilahi? Adakah anda percaya Roh Allah itu ilahi? Dan adakah anda percaya Kalimah Allah itu ilahi? Adakah itu 3 Tuhan? Itulah yang saya percaya!”

NOTA
